Pendakwa Raya lwn Lee Kee Seng & Anor

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — KES JENAYAH NO 42–360 TAHUN 2004
MOHAMAD ZABIDIN PK
1 JULAI 2005

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Perlucuthakan harta — Bantahan terhadap perlucuthakan kereta oleh pemberi pinjaman cagaran — Sama ada kereta yang dilucuthak adalah harta yang tak sah — Beban bukti untuk menolak anggapan bahawa pemilik berdaftar keretabukan 'liable person' dan kereta bukan 'illegal property' — Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 s 32(2)

Ini adalah rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen mengarahkan sebuah kereta Honda CRV, No PDR 2837 dipulangkan kepada Hong Leong Finance Berhad iaitu responden kedua. Keputusan ini dibuat setelah Hakim Mahkamah Sesyen setelah mendengar satu rujukan yang dibuat oleh Pendakwa Raya di bawah s 32(2) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta tersebut'). Adalah jelas bahawa pemilik berdaftar kereta tersebut adalah seorang bernama Loh Kan Hock dengan hak milik dituntut oleh Hong Leong Finance sebagai pemberi pinjaman. Harga belian kereta tersebut adalah RM120,000. Lee Kah Hock membayar RM50,000 sebagai wang pendahuluan dan selebihnya iaitu RM70,000 dibiayai melalui pinjaman dari Hong Leong Finance. Sebelum kereta disita, Loh Kah Hock telah membayar 33 ansuran berjumlah RM40,833. Notis mengenai penyitaan kenderaan tersebut di bawah sub-s 25(1) Akta tersebut telah diserahkan kepada Lee Kee Seng iaitu respondent pertama, kepada Loh Kah Hock sebagai pemilik berdaftar dan Hong Leong Finance.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Beban adalah di atas Hong Leong Finance untuk membawa keterangan bagi menolak anggapan yang timbul iaitu Lee Kee Seng dan/atau Loh Kah Hock bukan 'liable person' dan kereta PDR 2837 bukan 'illegal property' di bawah Akta tersebut (lihat perenggan 7). Dari keterangan wakil Hong Leong Finance, dapat dilihat bahawa Hong Leong Finance telah berjaya membuktikan pada masa kereta tersebut diperolehi RM70,000 dari harga belian adalah dari sumber yang sah iaitu dari wang pinjaman yang diberi oleh Hong Leong Finance. Walaupun begitu tiada keterangan untuk membuktikan bahawa RM50,000 yang dibayar oleh Loh Kah Hock adalah dari sumber yang sah. Selain dari itu keterangan juga jelas bahawa setakat tarikh kereta ditahan Loh Kah Hock telah membayar balik RM40,835 dari RM70,000 yang dipinjam. Tiada keterangan menunjukkan bahawa RM40,835 ini adalah dari sumber yang sah. Ini menjadikan kesemuanya RM90,835 yang tidak dibuktikan sebagai dari sumber yang sah (lihat perenggan 8).

(2) Oleh itu untuk mematahkan anggapan bahawa kereta tersebut bukan 'illegal property' perlu dibukti bahawa keseluruhan harga belian dan pembayaran balik pinjaman adalah dari sumber yang sah. Ini telah gagal dilakukan oleh Hong Leong Finance. Hanya dengan membuktikan bahawa sebahagian harga belian adalah dari sumber yang sah tidak mencukupi untuk mematahkan anggapan tersebut. Kereta PDR 2837 adalah 'illegal property' (lihat perenggan 9 dan 10).

[**English summary**

This was an appeal by the Public Prosecutor against the decision of the Sessions Court Judge which ordered a car, Honda CRV No PDR 2837 to be returned to Hong Leong Finance Bhd, the second respondent. The decision was made after the Sessions Court Judge had heard a reference which was made by the Public Prosecutor under s 32(2) Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988 ('the Act'). It was clear that the registered owner of the car was one Loh Kan Hock and ownership was claimed by Hong Leong Finance as the lenders. The purchase price of the car was RM120,000. Lee Kah Hock had paid RM50,000 as down payment and the remaining amount of RM70,000 was paid through a loan from Hong Leong Finance. Before the car was forfeited, Loh Kah Hock had paid 33 instalments amounting to RM40,833. The notice regarding the forfeiture of the car under sub-s 25(1) of the Act had been served on Lee Kee Seng, the first respondent, to Loh Kah Hock as the registered owner and Hong Leong Finance.

Held, allowing the appeal:

(1) Onus was upon Hong Leong Finance to produce evidence to rebut the presumption that Lee Kee Seng and/or Loh Kah Hock were not liable persons and the car PDR 2837 was not illegal property under the Act (see para 7). Based on the evidence by a representative of Hong Leong Finance, it could be seen that Hong Leong Finance had successfully proven that at the time the car was purchased RM70,000 from the purchase price was from a legal source, which had been given by Hong Leong Finance. However so, there was no evidence to prove that the RM50,000 which was paid by Loh Kah Hock was from a legal source. Apart from that, the evidence also clearly showed that up to the date the car was repossessed, Loh Kah Hock had paid RM40,835 out of RM70,000 loaned. No evidence showed that the RM40,835 was from a legal source. The entire RM90,835 was not proved to be from a legal source (see para 8).

(2) Therefore to rebut the presumption that the car was not illegal property, it must be proved that the whole of the purchase price and the payment of the loan was from a legal source. Hong Leong Finance had failed to do this. Only by proving a part of the purchase price was from a legal

source was not sufficient to rebut the said presumption. The car, PDR 2837 was therefore illegal property (see paras 9 and 10).] A

Nota-nota

Untuk kes mengenai dadah berbahaya, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 109–123. B

Kes-kes yang dirujuk

PP v Tan Lee Kok [1988] 2 MLJ 65 (dirujuk) C

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ss 25(1), 32(2)

Rayuan daripada: Kes Jenayah No CCM 64–23 tahun 2002 (Mahkamah Sesyen, George Town) D

Budiman Lutfi bin Mohamed (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

Parmjit Singh a/l Mahinder Singh (Salina Lim Kim Chuan & Co) bagi pihak responden. E

Mohamad Zabidin PK:

KEPUTUSAN

[1] Ini adalah rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen mengarahkan sebuah kereta Honda CRV No PDR 2837 dipulangkan kepada Hong Leong Finance Bhd iaitu responden kedua. Keputusan ini dibuat setelah hakim mahkamah sesyen bijaksana mendengar satu rujukan yang dibuat oleh Pendakwa Raya di bawah s 32(2) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988. F G

[2] Keterangan adalah jelas bahawa pemilik berdaftar kereta tersebut adalah seorang bernama Loh Kan Hock dengan hak milik dituntut oleh Hong Leong Finance sebagai pemberi pinjaman. Harga belian kereta tersebut adalah RM120,000. Lee Kah Hock membayar RM50,000 sebagai wang pendahuluan dan selebihnya iaitu RM70,000 dibiayai melalui pinjaman dari Hong Leong Finance sebelum kereta disita, Loh Kah Hock telah membayar 33 ansuran berjumlah RM40,833. H

[3] Notis mengenai penyitaan kenderaan tersebut di bawah sub-s 25(1) Akta telah diserahkan kepada Lee Kee Seng iaitu responden pertama, kepada Loh Kah Hock sebagai pemilik berdaftar dan Hong Leong Finance — Responden kedua. I

[4] Loh Kah Hock tidak membuat apa-apa tuntutan untuk mendapat balik kereta dan tidak dipanggil untuk memberi keterangan sementara Lee Kah Seng telah gagal hadir Mahkamah untuk memberi keterangan.

[5] Seksyen 35 Akta dengan jelas memperuntukkan:

> Where any proceedings under this Act are brought against any person or in respect of any property on the ground that such person is a liable person or such property is illegal property, the court shall presume that person to be a liable person and that property to be illegal property, unless the person proceeded against prove to the contrary by admissible evidence and where he adduces any such evidence, the public prosecutor shall have the right to rebut the same.

[6] Dengan lain perkataan hakim mahkamah sesyen perlu memulakan kes ini dengan menganggap bahawa Lee Kah Seng dan Loh Kah Hock sebagai *liable person* dan kereta PDR 2837 sebagai *illegal property*. Terpulang kepada pemohon/responden untuk membuktikan sebaliknya. Jika ini gagal dilakukan maka hakim mahkamah sesyen mempunyai tanggungjawab untuk memerintahkan kenderaan tersebut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Berhubung siapa yang mempunyai beban untuk mengemukakan bukti ini jelas diterangkan dalam kes *PP v Tan Lee Kok* [1988] 2 MLJ 65 di ms 71:

> Upon being referred to under s 32(2), then pursuant to s 32(3), the session court is required to issue a summons to the person claiming and shall proceed to the examination of the matter. From this it can be seen the law does not place the burden on the Public Prosecutor to satisfy the court that the seizure was proper, or that the property ought to be forfeited ; on the contrary the law places the burden on the person who made the claim to answer the summons. Section 32(3) place the burden upon the person making claim 'upon proof that he is lawfully entitle thereto'. Section 32, therefore, places no burden on the Public Prosecutor to prove anything. It merely place the burden to refer the claim to session court.

[7] Adalah jelas dalam kes ini beban adalah di atas Hong Leong Finance untuk membawa keterangan bagi menolak anggapan yang timbul iaitu Lee Kee Seng dan/atau Loh Kah Hock bukan *liable person* dan kereta PDR2837 bukan *illegal property*.

[8] Persoalannya adakah beban ini telah dipenuhi. Dari keterangan wakil Hong Leong Finance dapat dilihat bahawa responden kedua iaitu Hong Leong Finance telah berjaya membuktikan pada masa kereta tersebut diperolehi RM70,000 dari harga belian adalah dari sumber yang sah iaitu dari wang pinjaman yang diberi oleh Hong Leong Finance. Walaupun begitu tiada keterangan untuk membuktikan bahawa RM50,000 yang dibayar oleh Loh Kah Hock adalah dari sumber yang sah. Selain dari itu keterangan juga jelas bahawa setakat tarikh kereta di tahan Loh Kah Hock telah membayar balik RM40,835 dari RM70,000 yang dipinjam. Tiada keterangan menunjukkan bahawa RM40,835 ini adalah dari sumber yang sah. Ini menjadikan kesemuanya RM90,835 yang tidak dibuktikan sebagai dari sumber yang sah.

Illegal property seperti di takrif bawah s 2 Akta adalah antara lain 'any property, whether within or outside Malaysia:

(a) which is wholly or partly derive or obtained from or by means of any prohibited activity carried out by any person after the commencement of this act;

[9] Oleh itu untuk mematahkan anggapan bahawa kereta tersebut bukan *illegal property* perlu dibukti bahawa keseluruhan harga belian dan pembayaran balik pinjaman adalah dari sumber yang sah. Ini telah gagal dilakukan oleh Hong Leong Finance. Hanya dengan membuktikan bahawa sebahagian harga belian adalah dari sumber yang sah tidak mencukupi untuk mematahkan anggapan tersebut.

[10] Berdasarkan alasan di atas saya dapati kereta PDR 2837 adalah *illegal property*. Berikutan dari itu saya dapati hakim mahkamah sesyen tersilap apabila memerintah kereta PDR 2837 di serahkan kepada Hong Leong Finance iaitu responden kedua. Perintah tersebut diketepikan. Begitu juga dengan perintah mengarah Hong Leong Finance membayar Kerajaan Malaysia RM16,800 diketepikan. Tidak ada peruntukan untuk Mahkamah membuat perintah sedemikian. Sekiranya Mahkamah dapati kereta tersebut bukan *illegal property* Mahkamah perlu arahkan kereta tersebut dipulangkan kepada pemohon. Begitu juga sebaliknya, jika ianya *illegal property* ianya mesti dilucut hak. Tidak timbul soal pampasan perlu dibayar walaupun terdapat bukti menunjukkan sebahagian dari wang pembelian adalah dari sumber yang sah.

[11] Dalam kes ini meneliti keterangan yang ada dan berdasarkan alasan-alasan di atas saya dapati kereta PDR 2837 adalah *illegal property*. Oleh itu ianya dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Peter Ling